LAI YOKE NGAN (P) & 1 LAGI (PENTADBIR HARTA PESAKA CHIN SAM SEONG @ CHAN SAM SEONG, SIMATI)

lwn.

CHIN TECK KWEE @ CHIN TECK KWI & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
DATO' FAIZA BIN HJ. TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO. 22-153-91]
28 OKTOBER 1993

AMALAN & PROSEDUR: Pliding - Writ saman - Writ tidak berindorsan dengan pernyataan tuntutan - Kesan - Samada wujud kausa tindakan - Kegagalan menyampaikan pernyataan tuntutan - Samada suatu keingkaran luar aturan - Samada suatu keingkaran berat - Samada keingkaran membolehkan tindakan plaintif dibuang oleh Mahkamah - KMT 1980 Aturan-Aturan 6 k 2(1)(a), 18 k. 1, 19 k. 1.

AMALAN & PROSEDUR: Writ saman - Writ tidak berindorsan dengan pernyataan tuntutan - Tiada penyampaian pernyataan tuntutan kepada defendan - Perintah injunksi - Samada boleh diberi - Penghakiman ingkar - Samada boleh dicatatkan - Samada perintah injunksi dan penghakiman ingkar satu nullity - KMT 1980 A. 13 kk. 6 & 7.

Pada 9 November 1991 plaintif telah memfailkan suatu writ saman bertarikh 6 November 1991 dimana writ tersebut hanya berindorsan dengan permohonan untuk beberapa relif tertentu dan tidak dengan satu pernyataan tuntutan. Berdasarkan writ berindorsan tersebut, dan tanpa penyampaian apa-apa pernyataan tuntutan kepada defendan, plaintif telah memperolehi suatu perintah injunksi serta perintah gantirugi pada 28 November 1991, dan suatu penghakiman ingkar pada 2 Disember 1991 setelah suatu perakuan ketidakhadiran dimasukkan.

Pada 28 Januari 1992 defendan pertama telah memfailkan memorandum kehadirannya. Defendan pertama kemudian memohon untuk mengepikan perintah gantirugi dan perintah penghakiman ingkar di atas dengan alasan bahawa kedua-dua perintah tersebut telah dibuat berasaskan kepada tindakan writ saman yang tidak mengikuti peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT), dan kerana itu adalah suatu nullity dan tidak sah. Defendan pertama juga memohon pembatalan writ saman bertarikh 6 November 1991 dengan alasan bahawa, kerana tiadanya pernyataan tuntutan serta penyampaiannya, plaintif tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap defendan.

Diputuskan:

[1] Perintah gantirugi bertarikh 28 November 1991 dan perintah penghakiman ingkar bertarikh 2 Disember 1991 itu adalah tidak sah dan merupakan suatu pembatalan atau nullity. Dengan ketiadaan pernyataan tuntutan dan dengan tiadanya penyampaian pernyataan tuntutan kepada defendan pertama sebelum tamatnya tempah 14 hari selepas defendan pertama itu memasukkan kehadiran, Aturan-Aturan 6 k. 2(1)(a) dan 18 k. 1 KMT 1980 telah tidak dipatuhi oleh plaintif. Disamping itu plaintif juga gagal mematuhi A.13 kk. 6 & 7 KMT yang memperuntukkan, antara lain, bahawa di dalam keadaan di mana pernyataan tuntutan tidak diindorskan pada writ atau disampaikan bersama-sama writ seperti yang berlaku dalam kes ini, plaintif bolehlah meneruskan tindakan seolah-olah defendan tersebut telah memasukkan kehadiran, setelah pernyataan tuntutan yang berkenaan disampaikan kepada defendan dan selepas itu baharulah boleh memohon kebenaran untuk mencatatkan penghakiman terhadap defendan.

[2] Dengan ketiadaan pernyataan tuntutan seperti yang berlaku dalam kes ini, writ saman berkenaan bukanlah merupakan suatu pliding yang betul dan oleh sebab itu plaintif dalam kes ini tiada mempunyai apa-apa kausa tindakan untuk dikemukakan. Kegagalan plaintif menyampaikan pernyatan tuntutan kepada defendan adalah suatu keingkaran terhadap kehendak-kehendak Kaedah-kaedah 7, 8, 12 dalam Aturan 18 KMT 1980 dan keingkaran

sedemikian adalah keingkaran yang berat dan tidak boleh dikira sebagai keingkaran luar aturan semata-mata. Di bawah A. 19 k. 1 KMT keingkaran sedemikian membolehkan Mahkamah membuat perintah membuang tindakan plaintif dan dalam halkeadaan kes ini itulah yang patut diputuskan oleh Mahkamah.

[Permohonan defendan dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:
Lam Kong Co. Ltd. lwn. Thong Guan Co., (Pte) Ltd. [1985] 1 CLJ 412 / [1985] 2 MLJ 429 ***(diikuti)***
Leong Seng Kiat lwn. Khaw See Song [1988] 2 CLJ 666 / [1988] 2 MLJ 365 ***(diikuti)***
The "Beauty Orchid II" Pacific Corporation Traders lwn. "Beauty Orchid II" Owners & Ors. [1977] 2 MLJ 83 ***(diikuti)***
Sunkyong International Inc. lwn. Malaysian Rubber Development Corpn. Bhd.[1992] 3 CLJ 1531 / [1992] 3 MLJ 1531 ***(dibezakan)***
Malaysian Building Society Bhd. lwn. Lesco Development Corpn. Sdn. Bhd. [1988] 3 MLJ 273 ***(dibezakan)***
Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors. [1992] MLJ 10 ***(dibezakan)***
Lim Chong Constructions Co. Sdn. Bhd. lwn. Silam Quarry Sdn. Bhd. [1990] 1 CLJ 1158 / [1990] 2 MLJ 423 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 6 k. 2(1) (a), A. 13 kk. 6(3), 7, A. 14 k. 1, A. 18 k. 1, A. 19 k. 1

Lain-lain sumber yang dirujuk:
Mallal's Supreme Court Practice, Edisi Kedua, Vol. I (1983)

Bagi pihak plaintif - D. Khrishnan; T/n. Stanley Ponniah, Ng & Soo
Bagi pihak defendan pertama - Lim Kem Thuan; T/n. Lim Kem Thuan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza bin Hj. Tamby Chik H:
Defendan pertama membuat dua permohonan, satu, melalui saman dalam kamar bertarikh 31 Januari 1992 (Lampiran 19) memohon:

(a) satu perintah menggantungkan perintah bertarikh 28 November 1991 untuk taksiran gantirugi sehingga permohonan ini diputuskan;
(b) satu perintah supaya perintah bertarikh 28 November 1991 untuk taksiran gantirugi diketepikan;
(c) relief sedemikian;
(d) kos.

Dapat diperhatikan bahawa perintah bertarikh 28 November 1991 adalah hal perkara permohonan tersebut. Perintah itu menyebut:

> **Atas Permohonan** pihak plaintif dalam tindakan ini **Dan Setelah Membaca** saman dalam kamar *ex-parte* yang bertarikh 9 November 1991, dan afidavit Lai Yoke Ngan dan Chan Teck Sew @ Chan Teck Swee yang diikrarkan pada 6 November 1991 dan difailkan di sini dan Perintah Sementara ini pada 9 November 1991 **Dan Setelah Mendengar** Encik Jadadish Chandra Peguamcara bagi pihak plaintif dan defendan pertama dan defendan kedua tidak hadir **Maka Adalah Pada Hari Ini Diperintahkan** bahawa kedua-dua defendan dan sesiapa dari mereka dan/atau pekerja atau ejen mereka dihalang dari mengganggu plaintif dan/atau pekerja dan/atau ejen menguruskan dan/atau menjalankan pekerjaan kilang papan di premis yang dikenali sebagai Tampin Sawmill & Co. yang diletak atas tanah dikenali sebagai SG 91/63 untuk Lot 951 Mukim Pulau Sebang, Tampin **Dan Adalah Seterusnya Diperintahkan** bahawa kedua-dua defendan dan/atau pekerja atau ejen mereka dihalang memasuki dan/atau menduduki premis Tampin Sawmill & Co. atau apa jua bahagian daripadanya **Dan Adalah Seterus Lagi Diperintahkan** bahawa kedua-dua defendan menghalang mereka dari mewakili mereka sebagai tuanpunya dan/atau pekongsi Tampin Sawmill & Co. dan dari mengeluarkan notis pengarahan dan/atau perintah kepada pekerja dan/atau pembekal-pembekal kayu balak Tampin Sawmill & Co. **Dan Adalah Seterus Lagi Diperintahkan** bahawa kedua-dua defendan dan/atau pekerja dan/atau ejen mereka dihalang mengambil atau menyebab yang sama untuk diambil apa-apa jentera, plant, kelengkapan, truk, foklift, trektor balak, timber treatment equipment yang diletak di Tampin

Sawmill & Co. **Dan Adalah seterusnya Lagi Diperintahkan** bahawa defendan pertama dihalang mewakili dirinya sendiri dan/atau mengemukakan diri sebagai pemegang lesen bagi Tampin Sawmill & Co. dan/atau salah satu Pentadbir/Wasi Harta Pesaka Chin Sam Seong @ Chan Sam Seong, Simati **Dan Adalah Akhirnya Diperintahkan** bahawa taksiran gantirugi ditetapkan pada 10 Disember 1991.

Bertarikh pada 28 November 1991.

Dengan ringkas dapat diperhatikan juga bahawa siplaintif telah memfailkan suatu writ saman tanpa pernyataan tuntutan bertarikh 6 November 1991 dan difailkan pada 9 November 1991 dan writ tersebut hanya berindorsan dengan permohonan untuk relief (i) sehingga (xiii). Melalui suatu saman dalam kamar *ex-parte* bertarikh 9 November 1991 (lampiran 3) plaintif telah memohon untuk perintah injunksi. Permohonan itu telah disokong oleh suatu afidavit bertarikh 6 November 1991. Dapat diperhatikan daripada nota fail Mahkamah bahawa tarikh mendengar saman dalam kamar itu telah ditunda kepada 16 November 1991 pukul 9.00 pagi. Dan perintah sementara bertarikh 9 November 1991 itu berkuatkuasa sehingga 16 November 1991 (Lampiran 9). Plaintif juga telah memperolehi suatu perintah gantirugi pada 28 November 1991 iaitu perintah yang diberikan di dalam kamar (Lampiran 11) di atas dan suatu perintah penghakiman ingkar pada 2 Disember 1991 (Lampiran 13) setelah suatu perakuan ketakhadiran dimasukkan pada 2 Disember 1991 (Lampiran 12). Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua perintah tersebut bolehlah dikatakan berdasarkan relief (i) hingga (xiii) dalam writ berindorsan itu.

Menurut Aturan 6 Kaedah 2(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT 1980) sebelum sesuatu writ dikeluarkan ia mestilah diindorskan dengan pernyataan tuntutan atau, jika pernyataan tuntutan tidak diindorskan pada writ itu, seperti dalam kes ini, maka writ itu hendaklah diindorskan dengan pernyataan ringkas tentang jenis tuntutan yang dibuat atau relief atau remedi yang dikehendaki dalam tindakan yang dimulakan dengan demikian itu. Dalam buku "**Mallal's Supreme Court Practice**" Edisi Kedua, Vol. I [1983] (Mallal's) ada disebutkan pada halaman 25 bahawa:

> In general, a concise statement of the nature of the claim approximates the previous general indorsement, requiring subsequently the filing and the service of a sufficient statement of claim alleging the facts or particulars founding the claim or remedy sought from the defendant.

Seperti yang disebut oleh **Mallal's** bahawa:

> There are several advantages of indorsing the writ with a statement of claim. Until a statement of claim has been served, judgment in default of appearance cannot be entered: O. 13 r. 7 and summary judgment may not be entered O. 14 r. 1.

(Lihat halaman 25). Dan plaintif mestilah menyampaikan pernyataan tuntutan itu kepada defendan pertama sebelum tamatnya tempoh 14 hari selepas defendan pertama itu memasukkan kehadiran. (A 18 k. 1).

Dalam kes ini bukan sahaja plaintif tidak mematuhi A 6 k. 2(1)(a) dan A 18 k. l KMT 1980 akan tetapi beliau juga tidak mematuhi A 13 k. 6 dan k. 7 RMT 1980 di mana plaintif dikehendaki memfailkan suatu afidavit membuktikan penyampaian yang wajar writ dan di dalam keadaan di mana pernyataan tuntutan itu tidak diindorskan pada writ itu atau disampaikan bersama-sama writ itu sama seperti keadaan kes ini, maka plaintif boleh, setelah menyampaikan suatu pernyataan tuntutan kepada defendan pertama meneruskan tindakan itu seolah-olah defendan pertama tersebut telah memasukkan kehadiran. Kemudian, selepas itu baharulah plaintif boleh memohon kebenaran untuk mencatatkan penghakiman terhadap defendan pertama menurut A 13 k. 6(3) dan k. 7. Dalam kes *Lam Kong Co. Ltd. lwn. Thong Guan Co., (Pte) Ltd.* [1985] 2 MLJ 429, SC Yang Amat Arif Abdul Hamid HB (Malaya) (pada ketika itu) berkata pada halaman 430:

> ... Order 13 rule 12 is explicit in that in such a case the plaintiffs are to proceed with the action as though the defendants had appeared. In view of rule 12, therefore, the respondents ought to have been precluded from entering default judgment against the appellants. The next step for the

respondents to take, indeed what the respondents ought to have done, is to set down the action on motion for judgment.

Seterusnya Yang Amat Arif Hakim Besar (Malaya) itu berkata pada halaman 431:

> It is to be observed that the effect of the rule was to disentitle the respondents from entering default judgment on a writ specially indorsed for specific performance. They were to proceed in the manner provided by the Rules and that was to set down the action on motion for judgment. It was only on the further step being taken that it was open for the Court or Judge to consider giving judgment as upon the claim the Court or Judge should consider the respondents to be entitled. At that point of time therefore judgment in default was not only given in breach of rule 12 but had resulted in a failure to comply with r. 11 of O. 27. In the circumstances we are constrained to hold that the breach and the non-compliance were not merely irregularities but fundamental defects. The fundamental defect was not, in our view, curable as the effect of the breach and non-compliance was to defeat the right of the other party to the action.

Dalam kes *Leong Seng Kiat v. Khaw See Song* [1988] 2 MLJ 365, Yang Arif Wan Hamzah HMA berkata pada halaman 366:

> The other reason was that since the action was one with specially indorsed writ for specific performance of an agreement for the sale and purchase of property, under O. 13 r. 12 of the Rules of Supreme Court 1957, it should proceed as if the defendants had appeared, on the authority of *Lam Kong Co. Ltd. v. Thong Guan Co. (Pte) Ltd*. It is apparent from the judgment of the Supreme Court in that case that the default judgment entered in such a case can also be treated as a breach of and non-compliance with O. 14A r. 1(1) and O. 27 r. 11. As stated by the Supreme Court in that case, the breach and non-compliance were fundamental defects which were not curable as the effect was to defeat the right of the other parties to the action. Even if for any reason the learned judge was wrong that the order for the substituted service in the present case was a nullity, we do not see how the default judgment can be saved in view of this ruling of the Supreme Court.

Dengan bersandarkan alasan di atas saya memutuskan di sini bahawa perintah gantirugi bertarikh 28 November 1991 dan perintah penghakiman ingkar bertarikh 2 Disember 1991 itu adalah suatu pembatalan (nullity) iaitu sesuatu yang tidak sah.

Kedua, melalui saman dalam kamar bertarikh 1 April 1992 (Lampiran 24) defendan pertama memohon pembatalan writ saman bertarikh 6 Noveember 1991 dan difailkan pada 9 November 1991 dengan alasan bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap para defendan dan tiada pernyataan tuntutan difailkan oleh plaintif.

Dapat diperhatikan bahawa writ saman itu berindorskan dengan relief (i) hingga (xiii) tanpa pernyataan tuntutan difailkan pada 9 November 1991 dan kemudian diserahkan kepada para defendan. Para defendan telah memasukkan kehadiran pada 28 Januari 1992.

Dapat diperhatikan bahawa defendan telah memfailkan memo kehadiran bertarikh 28 Januari 1992 (Lampiran 17) dan setakat ini selain daripada plaintif telah gagal memasuki A 6 k. 2(1) (a) dan A 18 k. 1 KMT 1980 beliau juga telah gagal mematuhi A 19 k. 1 KMT 1980 iaitu beliau gagal menyampaikan pernyataan tuntutan kepada defendan pertama. Yang ada setakat ini hanyalah suatu writ berindorsan khas dengan lapan relief sahaja difailkan oleh plaintif. Dalam kes *"The Beauty Orchid II" Pacific Corporation Traders lwn. Beautv Orchid II" Owners & Ors.* [1977] 2 MLJ 83. Arulanandom H. berkata pada halaman 85:

> Having only the writ of summons and its indorsement to look at with no statement of claim although the Rules of the Supreme Court requires a statement of claim to be filed, the Court is in no position to say that the plaintiffs have a cause of action.

Perlulah ditegaskan di sini bahawa sesuatu writ saman kecuali jikalau ianya writ berindorsan khas, diindorskan dengan pernyataan tuntutan atau disampaikan bersama-sama pernyataan tuntutan, maka ianya tidaklah mempunyai pernyataan tuntutan dan kerana itu writ saman itu bukanlah suatu pliding. (Lihat **Mallal's** halaman 178).

Oleh hal yang demikian saya berpendapat bahawa dengan ketiadaan pernyataan tuntutan tersebut dalam kes ini maka plaintif tiada mempunyai apa-apa kausa tindakan dan saya memutuskan sedemikian.

Maka sekarang kenalah pada tempatnya saya menarik perhatian kedua-dua belah pihak bahawa Peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif tidak ada merujuk secara langsung kepada hujah bertulis pihak defendan bertarikh 26 Ogos 1992 di dalam hujah bertulisnya bertarikh 15 September 1992 sungguhpun hujah bertulis dimulakan dengan ayat, "Sebelum saya merujuk kepada hujah bertulis Peguamcara defendan pertama, saya memohon keizinan ...".

Hal perkara yang dirujuk oleh Peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif dalam hujah bertulisnya itu hanyalah mengatakan permohonan Lampiran 19 dan Lampiran 24 adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah dan memohon supaya ianya ditolak berdasarkan perkara asing dan perkara yang tidak ada dibangkitkan oleh peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan pertama. Peguambela plaintif ada menyentuh kes *Lam Kong* iaitu kes yang Peguambela plaintif bersandarkan hujahannya dan Peguambela plaintif telah mengemukakan kes-kes *Sunkyong International Inc. lwn. Malaysian Rubber Development Corpn. Bhd.* [1992] 3 MLJ 1531, *Malaysian Building Society Bhd. lwn. Lesco Development Corpn. Sdn. Bhd.* [1988] 3 MLJ 273, *Lim Hean Pin lwn. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors.* [1992] 2 MLJ 10 dan *Lim Chong Constructions Co. Sdn. Bhd. lwn. Silam Quarry Sdn. Bhd.* [1990] 2 MLJ 423 untuk menghujahkan bahawa kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi itu hendaklah dikira sebagai luar aturan sahaja. (Lihat A 2 k. 1(1) KMT 1980) dan kerananya plaintif hendaklah diberi kebenaran untuk menyampaikan pernyataan tuntutan. Saya berpandangan bahawa setiap kes yang dirujuk oleh Peguambela plaintif seperti yang disebut di atas adalah diputuskan berdasarkan fakta-fakta yang teristimewa kepada kes-kes tersebut. Di dalam kes di hadapan saya sekarang terdapat kegagalan Peguambela plaintif untuk menjawab secara langsung hal perkara yang dibangkitkan secara jelas oleh peguambela defendan pertama. Adalah penting dan jelas menurut Aturan 19 Kaedah-kaedah 7, 8 dan 12 KMT 1980 bahawa tiap-tiap pliding mestilah mengandungi hanya fakta-fakta material dan bukannya keterangan yang hendak dirayui, dan perkara-perkara yang hendak dirayui itu, mestilah dirayui dengan khususnya dan juga pliding tersebut mestilah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan yang dirayu dan di dalam kes ini saya telah mencapai keputusan daripada keterangan yang ada bahawa plaintif tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan dan keingkaran pliding itu iaitu keingkaran plaintif menyampaikan pernyataan tuntutan kepada defendan pertama itu dalam kes ini adalah suatu kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-kaedah 7, 8 dan 12 KMT 1980 dan saya berpendapat bahawa kegagalan tersebut tidaklah boleh dikira sebagai luar aturan oleh kerana keingkaran pliding oleh plaintif adalah satu perkara yang berat yang membolehkan Mahkamah membuat perintah dibawah A 19 k. 1 KMT 1980 dengan membuang tindakan itu.